

Abdullah: Barisan Nasional perlu juarai kempen basmi dadah

KUANTAN 10 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) terutamanya sayap Pemuda dan Puteri menjuarai usaha membasmi penyalahgunaan dadah.

Beliau berkata, sudah tiba masanya kedua-dua pergerakan itu memikul tanggungjawab tersebut yang selama ini digalas oleh Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadara) dan pelbagai pertubuhan pembanteras dadah yang ada di negara ini.

"Kita memang ahli politik, politik adalah profesion kita, malah politik merupakan perjuangan kita tetapi masalah pembangunan sosial khususnya penyalahgunaan

dadah perlu juga kita ambil tahu.

"Kita ada Pemadam dan bermacam-macam persatuan tetapi kita masih tidak dapat menangani masalah dadah di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Parti-Parti Komponen BN di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini malam ini.

Menurutnya, jika sayap Pemuda dan Puteri mahu menjadi juara, kedua-duanya perlu membuktikan kesungguhan serta kemampuan mereka dalam usaha membantu kerajaan membasmi masalah penyalahgunaan dadah khususnya di kalangan gene-

rasi muda hari ini.

Malah jelas beliau, gejala keganasan dan gangsterisme di sekolah-sekolah di negara ini sepatutnya tidak berlaku tetapi pada hari ini sudah mula wujud.

"Jika mahujadi juara, Pemuda dan Puteri juga perlu menjadi peneraju di dalam masyarakat dengan memberikan contoh yang baik di dalam kehidupan dan tidak hanya tahu berpolitik semata-mata," tegasnya.

Abdullah memberitahu, sebagai ahli politik mereka juga perlu berazam untuk memastikan tidak ada di kalangan ahli keluarga yang turut terjebak di dalam permasalahan sosial khususnya kancah penagihan dadah.

"Alangkah baiknya jika kita dapat pasti-

kan 'keluarga kita sentiasa baik dan kita akan menjadi contoh kepada orang lain kerana kita bukan sahaja seorang pejuang tetapi turut mengambil bahagian bagi membantu masyarakat." katanya.

Bercakap mengenai pelancongan, beliau berkata, negeri ini mempunyai potensi untuk membangunkan bidang tersebut khususnya di kawasan pesisiran pantai Cherating hingga ke Kemaman, Terengganu.

Tambahnya, pembangunan pelancongan yang pesat di kawasan tersebut akan dapat membantu memajukan Pahang Timur dan sekali gus meletakkan negeri ini sebagai salah sebuah lokasi pelancongan terkemuka.